

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/LMUTUSAMI  
(PADANG SERAI)**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

**TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [ PADANG SERAI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan siasatan polis ke atas pendakwah kontroversi Zakir Naik dan tindakan yang diambil terhadap Zakir Naik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pihak Polis Diraja Malaysia telah menerima laporan mengenai ceramah oleh Dr. Zakir Naik di Kelantan pada 7-9 Ogos 2019. Ucapan beliau telah disensasikan secara meluas di media cetak dan media sosial di mana beliau didakwa telah mempertikaikan kesetiaan kaum India di negara ini sehingga menimbulkan keresahan dalam kalangan mereka. Dalam hubungan ini, Dr. Zakir Naik mendakwa bahawa ucapan beliau telah dipetik di luar konteks berhubung kenyataannya mengenai masyarakat India di Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Polis Diraja Malaysia telah membuka dua kertas siasatan terhadap pendakwah Dr. Zakir Naik. Kedua-dua kertas siasatan ini adalah bagi kesalahan yang didakwa dilakukan di bawah Seksyen 504 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Kedua-dua kertas siasatan ini dibuka berdasarkan kepada laporan polis yang telah diterima dan dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya untuk arahan lanjut.

Pada masa ini, Dr. Zakir Naik dilarang memberikan ceramah secara umum sehingga siasatan polis selesai. Beliau juga diingatkan supaya tidak membuat sebarang kenyataan berkenaan isu-isu politik, perkauman dan perkara-perkara yang menyentuh sensitiviti masyarakat di Malaysia. Perkara ini adalah bagi mengelakkan isu beliau daripada dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu sehingga boleh menjadi sentimen perkauman dan agama yang berpotensi menjejaskan ketenteraman awam.